

09/09/2003

Mustafa diramal menang tanpa bertanding

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Pas, Datuk Mustafa Ali dijangka memenangi jawatan Timbalan Presiden parti itu tanpa bertanding pada Muktamar Pas ke-49 yang akan diadakan di ibu pejabatnya di Taman Melewar, Gombak dekat sini hujung minggu ini.

Sumber-sumber berkata, pemuafakatan antara sekurang-kurangnya empat calon 'favourite' termasuk Mustafa yang juga Ahli Parlimen Dungun, sudah hampir dicapai dan rundingan itu disambung semula lewat malam tadi.

"Menjelang esok (hari ini), keadaan akan lebih jelas dan diharapkan tiada pertandingan berlaku. Semuanya ada 13 nama dicalonkan dan sebahagian sudah menarik diri," kata sumber itu.

Tiga calon lain ialah Pesuruhjaya Pas Selangor, Senator Hassan Shukri; ahli Majlis Syura Ulama Datuk Dr Harun Din dan bendahari, Datuk Abdul Halim Abdul Rahman. Naib Presiden, Datuk Dr Hassan Ali sudah menarik diri.

Difahamkan, Mustafa yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia Terengganu mendapat pencalonan kira-kira 60 peratus daripada 161 bahagian, diikuti Hassan tetapi tidak diketahui berapa banyak pencalonan.

Bagaimanapun, Harun dan Abdul Halim dikatakan cuma memperoleh kurang daripada 10 pencalonan. Bagi Pas, dua pencalonan sudah memadai bagi membolehkan mereka bertanding.

Jawatan nombor dua itu dikosongkan oleh Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang akan disahkan ke jawatan Presiden pada muktamar kali ini setelah memangkunya sejak Jun tahun lalu berikutan kematian Allahyarham Datuk Fadzil Noor.

Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu ketika ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat parti itu semalam mengharap tidak berlaku pertandingan.

"Tetapi kami bersikap fleksibel dan mahu mewujudkan musyawarah. Dalam hal ini, kita berjaya menghapuskan kegiatan lobi melobi. Calon-calon ini akan berbincang sesama sendiri. Esok, lusa pun boleh bincang lagi," katanya.

Jika Mustafa berjaya menduduki jawatan Timbalan Presiden, bermakna sejarah baru tercatat dalam sejarah Pas kerana pertama kali seseorang yang bukan ulama menduduki jawatan nombor dua dalam parti.

Bagi tiga jawatan Naib Presiden pula, 20 nama dicalonkan manakala 82 orang dicalonkan untuk merebut 24 jawatankuasa pusat. Dua jawatan itu dijangka menyaksikan pertandingan sengit.

Antara dicalonkan bagi jawatan Naib Presiden ialah Ketua penerangan Pas, Azizan Abdul Razak, Mahfuz Omar dan Abdul Halim. Mahfuz melepaskan jawatan Ketua Pemuda Pas dan sudah menerima pencalonan untuk Naib Presiden.

Tempat Mahfuz sudah dimenangi tanpa bertanding oleh timbalannya, Salahudin Ayub. Bagi jawatan timbalan ketua yang dikosongkan oleh Salahudin, dua nama dicalonkan iaitu naib ketua, Idris Ahmad dan setiausaha pemuda, Misbahul Munir Masduki.

Ketua Dewan Ulama, Datuk Harun Taib juga sudah menang tanpa bertanding manakala isterinya, To' Puan Fatimah Zainab Ibrahim dijangka dicabar untuk jawatan Ketua Dewan Muslimat oleh ahli jawatankuasa pusat, Dr Lo' Lo' Mohd Ghazali dan Ketua Muslimat Kelantan, Siti Zailah Mohd Yusof.

Sementara itu, Abdul Hadi berkata, ucapan dasar pertamanya pada muktamar Jumaat ini akan memberi tumpuan kepada isu dalaman parti, isu nasional seperti pendidikan, ekonomi, politik dan sosial selain isu antarabangsa bagi menangkis tohmah terhadap kezaliman media barat terhadap umat Islam.

Mengenai kemungkinan Pas mengemukakan usul terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara bulan depan, beliau berkata Pas tidak berhasrat berbuat demikian.

Abdul Hadi berkata, muktamar kali ini akan turut memberi tumpuan kepada perbincangan persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang yang boleh diadakan pada bila-bila masa.

"Kita juga akan bincang prestasi dua negeri pemerintahan Pas iaitu Kelantan dan Terengganu selain isu politik, ekonomi, pendidikan serta isu keganasan antarabangsa yang menjejaskan imej orang Islam," katanya.